

09 JAN 1999

Kabinet-Agong

AGONG DIMAKLUMKAN MENGENAI ROMBAKAN

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong telah dimaklumkan hari ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai rombakan kedudukan Anggota Pentadbiran Kerajaan yang melibatkan menteri dan timbalan menteri yang sedang memegang jawatan sekarang berikutan pengisian jawatan Timbalan Perdana Menteri yang kosong sejak 2 Sept lepas.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, rombakan itu melibatkan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

Rombakan lain melibatkan Tun Daim Zainuddin yang dilantik sebagai Menteri Kewangan di samping mengekalkan jawatan Menteri Tugas-tugas Khas; Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar yang dilantik sebagai Menteri Luar; , Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha yang dilantik sebagai Menteri Pertahanan;

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Mohamad Tajol Rosli Ghazali, yang dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, yang dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, yang dilantik sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Dalam Negeri;

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Sumber Manusia; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz,, yang dilantik sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Kewangan; seorang lagi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Ibrahim Saad yang dilantik Timbalan Menteri Pengangkutan, Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Kesihatan dan Senator Datuk Ibrahim Ali yang dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang di-Pertuan Agong telah juga dimaklumkan oleh Perdana Menteri mengenai pelantikan dua orang menteri dan seorang timbalan menteri yang baru, menurut kenyataan itu.

Seri Paduka Baginda telahpun memberi perkenan kepada pelantikan Datuk Mohamad Tajol Rosli Mohd Ghazali sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Senator Datuk Ibrahim Ali sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Ketiga-tiga mereka akan mengangkat sumpah jawatan di hadapan Seri Paduka Baginda di Istana Negara pada 2.30 petang Selasa ini.

Menurut kenyataan itu, tarikh kuatkuasa pelantikan mereka adalah setelah mereka mengangkat sumpah jawatan.

Tarikh pelantikan yang lain berkuatkuasa Isnin ini dan mereka tidak perlu lagi mengangkat sumpah jawatan kerana mereka telah berbuat demikian sewaktu mereka dilantik ke jawatan menteri atau timbalan menteri, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

KHY MAI